



07 JAN, 2023

## DIBERKAS DI JALAN MATI

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

# DIBERKAS DI JALAN MATI

*Pengedar dadah rempuh kenderaan kastam  
cuba larikan diri daripada keupungan*

Oleh Juwan Riduan  
am@hmetro.com.my

### Lahad Datu

Beberapa das tembakan dilepaskan oleh sepasukan pegawai Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah selepas sebuah kereta dinaiki dua lelaki disyaki pengedar dadah melanggar kenderaan pegawai penguat kuasa terbabit ketika cuba melarikan diri daripada keupungan.

Kejadian dipercayai berlaku di hadapan sebuah kedai di Jalan Silabukan di sini, turut disaksikan oleh bebe-

rapa orang awam yang berada di sekitar lokasi kejadian dan mereka sempat mengambil gambar sebelum ia tular di media sosial.

Difahamkan, kejadian itu berlaku kira-kira jam 3 petang kelmarin, selepas sepasukan pegawai JKDM Sabah menahan sebuah kereta jenis Proton Saga kerana disyaki membawa dadah.

Bagaimanapun pemandu kereta Proton Saga bertindak agresif dengan melarikan diri dan melanggar kenderaan pegawai penguat kuasa JKDM.

Dalam keadaan memper-

tahankan diri, pegawai penguat kuasa terbabit bertindak melepaskan beberapa das tembakan ke arah tayar hadapan dan belakang bagi memberhentikan kereta suspek.

Namun suspek terus bertindak agresif meloloskan diri menuju ke arah Kampung Layung, di sini menyebabkan pegawai penguat kuasa mengejarnya.

Kereta suspek ditahan selepas masuk ke jalan mati di kawasan kampung berkenaan dan kedua-dua suspek berjaya diberkas.

Pegawai penguat kuasa turut menemui sebuah bung-



GAMBAR tular di media sosial susulan kejadian pegawai kastam melepaskan tembakan ke arah kereta dinaiki pengedar dadah.

kusan disyaki berisi dadah jenis syabu.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Rohan Shah Ahmad ketika

dihubungi mengesahkan mengenai kejadian itu dan ia berkaitan operasi JKDM mengenai aktiviti pengedaran dadah.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952,” katanya.



07 JAN, 2023

## DIBERKAS DI JALAN MATI

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Lahad Datu Beberapa das tembakan dilepaskan oleh sepasukan pegawai Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah selepas sebuah kereta dinaiki dua lelaki disyaki pengedar dadah melanggar kenderaan pegawai penguat kuasa terbabit ketika cuba melarikan diri daripada kepungan. Kejadian dipercayai berlaku di hadapan sebuah kedai di Jalan Silabukan di sini, turut disaksikan oleh beberapa

orang awam yang berada di sekitar lokasi kejadian dan mereka sempat mengambil gambar sebelum ia tular di media sosial.